

'Perlu lebih praktikal nilai kakitangan'

KUALA LUMPUR: Pendekatan lebih praktikal perlu dikenal pasti bagi mengadili dakwaan kakitangan yang dikatakan mengalami gangguan emosi disebabkan keadaan persekitaran tempat kerja yang tidak sihat.

Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Samsudin Bardan, berkata kerajaan perlu memberi perhatian serius terhadap peruntukan undang-undang yang membolehkan pekerja menyaman majikan yang tidak menyediakan tempat kerja yang kondusif.

Katanya, memang mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967 majikan bertanggungjawab menyediakan tempat kerja selamat dan selesa. Tetapi, penilaian sama ada tempat kerja adalah kondusif atau sebaliknya ialah subjektif.

"Kita perlu praktikal menilai bagaimana sesuatu tempat kerja dikatakan kondusif kerana keadaan tempat kerja bergantung kepada keperluan operasi perniagaan.

"Adakah semuanya perlu berhawa dingin dan lantai licin berkilat. Bagaimana pula jika syarikat itu bengkel servis kenderaan atau kilang besi umpamanya. Tentulah tempat kerja berminyak dan panas," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar kelmarin yang menjelaskan lebih 11.5 juta pekerja termasuk kakitangan sektor awam boleh menyaman majikan jika mereka menanggung tekanan melampau hingga mengalami gangguan emosi akibat persekitaran kerja yang tidak sihat.

Abdul Rahman berkata, majikan tidak menyediakan tempat kerja yang sihat boleh dikenakan tindakan undang-undang dan boleh didenda sehingga RM50,000, dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.